

**JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN.**

---

**TAWARAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN KAFETERIA DI ATRIUM, BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA, JALAN AIRPORT LAMA, MUKIM BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
JKR/DAF/UPF/JKRHQ KAFETERIA/ 01/ 2026**

**Tarikh akhir mengambil dokumen:**

**Selasa, 14 April 2026, jam 3:00 Petang**

**Tarikh tutup tawaran:**

**Isnin, 20 April 2026, jam 8:30 pagi**

**Yuran tawaran:**

**BND5.00 (Tidak dikembalikan)**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang mempunyai lesen perniagaan 16 dan 17 dan Lesen Rampaian Khusus bagi Perniagaan Penyajian dan Penyediaan Makanan (Restoran) atau Perniagaan Katering yang sah dan berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Borang dan maklumat tawaran bolehlah diperolehi di **Unit Pengurusan Fasilitas, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan**, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Jalan Airport Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
3. Sebutharga tawaran sewa hendaklah dalam **mata wang Dolar Brunei Darussalam (BND)**.
4. Hendaklah menyatakan tempoh sah laku tawaran;
5. Tempoh bagi tawaran perkhidmatan kafeteria ini adalah selama TIGA (3) TAHUN sahaja.
6. Hendaklah menyertakan profil syarikat dan pengalaman dalam pengurusan perkhidmatan restoran atau kafeteria di Negara ini atau di Jabatan-Jabatan Kerajaan atau Kementerian, jika ada.
7. Penender mestilah menyertakan keterangan senarai jenis makanan dan minuman lengkap dengan harga setiap satu serta menghadapkan cadangan bagi contoh-contoh set makanan dan minuman yang dikategorikan *economical* seperti jenis set makanan yang terdapat di kedai-kedai *fastfood*. (contoh seperti harga set makanan A dan B masing-masing berharga di bawah \$2.50 dan \$4.50)
8. Hendaklah menyenaraikan jumlah pekerja yang akan melaksanakan perkhidmatan kantin/kafeteria ini termasuk tukang masak yang beragama islam dan bersih yang akan ditempatkan nanti.
9. Hendaklah bersedia menjalankan perkhidmatan kantin/kafeteria di luar waktu bekerja jika diperlukan oleh Jabatan.
10. Penender dimestikan mempunyai perlindungan insurans daripada kemusnahan dan kerosakan oleh api dan seumpamanya terhadap bangunan dengan menggunakan atas nama Jabatan dan segala kos pembiayaan tersebut adalah dibawah tanggungjawab penender selama tempoh penyewaan.
11. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebutharga di Lantai bawah, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kerja Raya, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam** dalam sampul surat yang tertutup rapat (sealed) **tidak lewat** pada:

Hari : **Isnin**  
Tarikh : **20 April 2026**  
Jam : **8.30 pagi**

12. Sampul surat tawaran hendaklah ditulis seperti berikut:

**TAJUK TAWARAN: TAWARAN JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, JKR/DAF/UPF/JKRHQ KAFETERIA/01/2026, TAWARAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN KAFETERIA DI ATRIUM, BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA, JALAN AIRPORT LAMA, MUKIM BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

13. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dilayan.